



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **CIDB** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

NO TENDER FAIL RUJUKAN TAJUK	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA TENDER DITUTUP
<u>NO. TENDER</u> T0002/17 <u>FAIL RUJUKAN</u> P1/3/8/17 <u>TAJUK</u> CADANGAN NAIKTARAF STADIUM PERAK, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN (REKA & BINA). <p style="color: red;">Tender Yang Lewat Tidak Akan Diterima.</p>	(BUMIPUTERA) GRED G7 Kategori B Pengkhususan B28 atau Kategori B Pengkhususan B04	<u>DARI TARIKH</u> 03 Mac 2017 (Jumaat) <u>HINGGA</u> 06 Apr 2017 (Khamis) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 201.00 <u>TEMPAT</u> Bhg Bekalan Tkt 1, Jab. Perbendaharaan Majlis Bandaraya Ipoh <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:00 pagi - 01:00 petang 02:00 petang - 03:30 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:15 tengahari 02:45 petang - 03:30 petang	<u>TARIKH</u> 07 Apr 2017 (Jumaat) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI <u>SESI LAWATAN TAPAK</u> <u>DIWAJIBKAN SEPERTI</u> <u>BERIKUT:</u> Tarikh : 03 Mac 2017 (Jumaat) Masa : 09:00 Pagi Tempat : HADAPAN STADIUM PERAK IPOH

2. Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen dan pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

3. Semua dokumen Tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Tender berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Bekalan, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

4. Majlis Bandaraya Ipoh tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen sebut harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

5. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBI. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen sebut harga, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai tender ini.

6. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

7. Laman Web: www.mbi.gov.my

MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN, AMP
PENGARAH PERBENDAHARAAN BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MUHAMMAD HAFIZ BIN MUHYADDIN
PEN PENGARAH PERBENDAHARAAN (AM & BEKALAN)
MAJLIS BANDARAYA IPOH